



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	3/7/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	PERHILITAN			

'Pemburu haram' bantu tangkap harimau?

KUALA TERENGGANU: Kemunculan harimau belang di ladang kelapa sawit di Felda Kertih 4 di Dungun sejak awal tahun lalu mengundang kehadiran segelintir individu yang menawarkan khidmat menangkap spesies terancam itu secara percuma.

Individu yang memperkenalkan dirinya sebagai penembak persendirian itu mendakwa bimbang keselamatan nyawa peneroka di situ terancam sekiranya haiwan berkenaan dibiarkan berkeliaran di kawasan

tanah rancangan terbabit.

Menurut sumber, khidmat bantuan individu dipercayai pemburu haram itu dikesan menerusi panggilan telefon sejak November tahun lalu.

Bagaimanapun, tawaran berkenaan ditolak oleh penduduk kerana butiran perbualan yang mencurigakan.

"Individu itu tidak mendedahkan nama dan asalnya cuma mengesahkan dia adalah penembak yang tiada kaitan dengan kerajaan.

"Malah dia juga memaklum-

kan tidak mahu sebarang upah," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) mengesan lima ekor harimau belang yang dipercayai sering menyerang ternakan penduduk di Ladang Felda Kertih 4, Ketengah Jaya, di sini.

Kumpulan haiwan liar yang terdiri daripada induk dan empat anak itu dikenal pasti menerusi rakaman kamera di beberapa lokasi ia sering berkeliaran.

